

5 universiti dilantik kaji Indeks Syariah

» 8 bidang pacu agenda Islamisasi pentadbiran

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Lima universiti, masing-masing dengan kepakaran khusus, dilantik bagi menjalankan lapan penyelidikan berkaitan Indeks Syariah Malaysia (ISM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata lapan bidang kajian lima universiti itu merang-

kumi politik, ekonomi, undang-undang, sosial, kesihatan, budaya, pendidikan dan prasarana pendidikan.

Pelaksanaan Islam

Katanya, ISM adalah usaha kerajaan untuk membawa produk model tadbir urus berkonsepkan Islam ke peringkat antarabangsa, khususnya berkaitan pelaksanaan Islam dalam pentadbiran negara.

“Saya menggesa penyelidik yang dipilih supaya bekerja keras dan menumpukan perhatian su-

paya kerja-kerja penyelidikan dapat disiapkan mengikut jadual ditetapkan.

“Hal ini penting kerana berupaya memberi keyakinan kepada kerajaan supaya boleh membentangkan hasil dapatan dengan penuh yakin kepada masyarakat apabila ia siap sepenuhnya.

“Diharapkan dengan ISM yang kali pertama dilakukan di dunia, dapat menjadikan negara kita jauh ke hadapan dalam memacu agenda Islamisasi pentadbiran,” katanya ketika berucap pada Maj-



“*Saya menggesa penyelidik yang dipilih supaya bekerja keras dan menumpukan perhatian supaya kerja-kerja penyelidikan dapat disiapkan mengikut jadual ditetapkan*”

Jamil Khir Baharom,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

lis Menandatangani Memorandum Perjanjian Penyelidikan dan Penyerahan Hak Cipta ISM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustafa.

Lima universiti

Lima universiti yang dipilih melakukan penyelidikan terbabit ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

ISM yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Februari lalu, adalah inisiatif terkini kerajaan dalam memastikan tadbir urus negara sentiasa berada di landasan yang tepat dan selari dengan prinsip Islam.